## SOALAN-SOALAN LAZIM BERKENAAN BSN MyAuto-i MPO

***FREQUENTLY ASKED QUESTIONS ("FAQ") ON BSN MyAuto-i MPO***

| **Soalan 1:**<br>*Question 1:* | **Apakah Pembiayaan Kenderaan BSN MyAuto-i MPO?**<br>*What is BSN MyAuto-i MPO Vehicle Financing?* |
|---|---|
| **Jawapan:**<br>*Answer:* | **BSN MyAuto-i MPO adalah produk pembiayaan kenderaan yang menawarkan margin pembiayaan sehingga 100% daripada harga pembelian. Pembiayaan ini adalah berdasarkan konsep Murabahah, iaitu kontrak jual beli yang mendedahkan kos perolehan dan margin keuntungan kepada Pelanggan.**<br><br>**Apabila Bank menerima aku janji (*wa'd)* Pelanggan untuk membeli, Bank akan melantik Pelanggan sebagai agen untuk mengenal pasti dan membeli kenderaan daripada pengedar kenderaan bagi pihak Bank. Seterusnya, Bank akan menjual kenderaan tersebut kepada Pelanggan pada Harga Jualan Bank. Pelanggan kemudiannya akan membayar secara ansuran selama tempoh yang dipersetujui.**<br><br>*BSN MyAuto-i MPO is a vehicle financing product that offers a financing margin of up to 100% of the purchase price. The financing is based on the Murabahah concept; a sale contract that discloses the acquisition cost and profit margin to the Customer.*<br><br>*Upon the Bank receives the Customer's undertaking (wa'd) to purchase, the Bank will appoint the customer as agent to identify and purchase the vehicle from the dealer on the Bank's behalf. Subsequently, the Bank will sell the vehicle to the Customer at the Bank's Sale Price. The Customer then pays the Bank in instalments basis on the agreed tenure.* |
| **Soalan 2:**<br>*Question 2:* | **Apakah perbezaan utama di antara produk pembiayaan kenderaan MyAuto-i MPO dan MyAuto-i *AITAB*?**<br>What are the main differences between *MyAuto-i MPO and MyAuto-i AITAB products*? |
| **Jawapan:**<br>*Answer:* | **Antara perbezaan utama adalah:**<br>*/ Among the main differences are:* |

| No | MPO | AITAB |
|---|---|---|
| 1 | **Keuntungan berdasarkan Harga Jualan Bank /**<br>*Margin is based on the Bank's Selling Price* | **Keuntungan berdasarkan kadar sewaan /**<br>*Margin is based on rental rate* |
| 2 | **Pelanggan sebagai Pembeli /**<br>*Customer as Purchaser* | **Pelanggan sebagai Penyewa /**<br>*Customer as Hirer* |
| 3 | **Margin Pembiayaan sehingga 100% daripada harga belian /**<br>*Margin of finance is up to 100% of the purchase price* | **Margin Pembiayaan sehingga 90% daripada harga belian /**<br>*Margin of financing is up to 90% of the purchase price* |
| 4 | **Sumbangan *Hire Purchase Reducing Term Takaful* (HPRTT) boleh dimasukkan di dalam Pembiayaan, jika layak /**<br>*Hire Purchase Reducing Term Takaful (HPRTT) contribution may be included in the financing amount, if eligible* | **Sumbangan *Hire Purchase Reducing Term Takaful* (HPRTT) dibiayai sendiri /**<br>*Hire Purchase Reducing Term Takaful (HPRTT) contribution is to be borne by the Customer* |
| 5 | **Tidak terikat dengan Akta Sewa Beli 1967 /**<br>*Does not governed by the Hire Purchase Act 1967* | **Terikat dengan Akta Sewa Beli 1967/**<br>*Governed by the Hire Purchase Act 1967* |

| | |
|---|---|
| **Soalan 3:**<br>*Question 3:* | **Siapakah yang layak untuk memohon BSN MyAuto-i *MPO*?**<br>*Who is eligible to apply for BSN MyAuto-i MPO?* |
| **Jawapan:**<br>*Answer:* | i. **Warganegara Malaysia.**<br>*Malaysian citizens.*<br><br>ii. **Berumur 21 tahun dan ke atas tertakluk kepada had umur tidak melebihi 60 –** 65 tahun (berdasarkan jenis skim yang dipilih) **pada tarikh tamat tempoh pembiayaan yang mana lebih awal**.<br>/ *Aged 21 years and above subject to an age limit not exceeding 60-65 years (based on the selected scheme on the date of expiry of the facility, whichever is earlier.*<br><br>iii. **Terbuka kepada graduan baharu / kakitangan kerajaan yang baru dilantik / kakitangan Kerajaan (potongan gaji SKAP) dan agensi Kerajaan yang dilengkapi dengan keupayaan Biro Perkhidmatan Angkasa (potongan gaji BPA) dan kakitangan organisasi lain yang dibenar di bawah skim tanpa potongan gaji** /<br>*Open to fresh graduates / newly employed government employees / Government Employees (deduction via SKAP) and Government Agencies that equipped with Biro Perkhidmatan Angkasa (deduction via BPA) enablement and employees of selected organizations under the non-salary deduction scheme.*<br>.<br>iv. **Mempunyai pengalaman bekerja tidak kurang dari enam (6) bulan (tidak terpakai bagi kakitangan yang baru dilantik). /**<br>*Employed with a minimum six (6) months working experience (not applicable for newly employed graduates).*<br><br>v. **Tidak bankrupt /**<br>*Not a bankrupt.*<br><br>vi. **Di bawah skim potongan gaji, had potongan adalah tidak melebihi 60% daripada gaji bulanan, termasuk bayaran ansuran pembiayaan ini**. /<br>*Under the salary deduction scheme, the deduction shall not exceeding 60% of the monthly income, including the instalment of this facility*. |
| **Soalan 4:**<br>*Question 4:* | **Berapakah had pembiayaan yang ditawarkan bagi kemudahan ini?**<br>*What is the financing limit offered under this facility?* |
| **Jawapan:**<br>*Answer:* | **Minimum: RM20,000 /**<br>*Minimum:* RM20,000<br><br>**Maksimum:**<br>i. **Sehingga 100% daripada harga belian tanpa sumbangan HPRTT; atau /**<br>*Maximum: Up to 100% of the purchase price without HPRTT contribution; or*<br><br>ii. **Sehingga 100% daripada harga belian dan ditambah jumlah sumbangan HPRTT, jika layak /**<br>*Maximum: Up to 100% of the purchase price and include HPRTT contribution amount, if eligible* |
| **Soalan 5:**<br>*Question 5:* | **Apakah margin pembiayaan di bawah kemudahan ini?**<br>*What is the margin of financing under this facility?* |
| **Jawapan:**<br>*Answer:* | **Margin pembiayaan adalah tertakluk kepada kumpulan sasar yang terpilih sahaja:** /<br>*Margin financing is subject to selected target segments only:* |

| Bil | Segment | Margin |
|---|---|---|
| 1 | **Graduan baharu / kakitangan kerajaan yang baru dilantik /**<br>*Fresh graduates / newly employed Government staff* | **Sehingga 100% daripada harga belian kenderaan dengan/tanpa HPRTT; or /**<br>*Up to 100% of the vehicle purchase price with/without HPRTT; or* |
| 2 | **Kakitangan Kerajaan selain dari (1) di atas /**<br>*Government employees other than the above (1)* | **Sehingga 90% daripada harga belian kenderaan dengan/tanpa HPRTT; or /**<br>*Up to 90% of the vehicle purchase price with/without HPRTT; or* |
| 3 | **Kakitangan organisasi lain yang dibenarkan di bawah skim tanpa potongan gaji /**<br>*Employees of selected organizations under the non-salary deduction scheme:* | **Sehingga 100% daripada harga belian kenderaan dengan/tanpa HPRTT** /<br>*Margin of Financing is up to 100% of the on-the-road price, with/without HPRTT* |

| | |
|---|---|
| **Soalan 6:**<br>*Question 6:* | **Berapakah tempoh pembiayaan kemudahan ini?**<br>*What is the financing tenure of this facility?* |
| **Jawapan:**<br>*Answer:* | i. **Minimum: 3 tahun. /**<br>*Minimum:* 3 *years.*<br><br>ii. **Maksimum: Sehingga 9 tahun /**<br>*Maximum: Up to* 9 *years* |

| | |
|---|---|
| **Soalan 7:**<br>**Question 7** | **Bagaimana cara saya membayar ansuran bulanan? /**<br>*How do I pay my monthly instalments?* |
| **Jawapan:**<br>*Answer:* | • Bayaran akan dibuat melalui potongan gaji di bawah Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) atau Majikan atau Jabatan Akauntan Negara (JANM) atau; /<br>*Payment will be made through salary deduction under Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) or Employers or Jabatan Akauntan Negara (JANM) or*;<br>• Bagi Skim Kakitangan Korporat (SKK), bayaran ansuran bulanan dilakukan secara potongan gaji pada hari gaji dibayar atau; /<br>*For the Corporate Employee Scheme (CES), the monthly instalment is through salary deduction on the payday or;*<br>• Sekiranya potongan gaji gagal dilakukan dan / atau pembiayaan yang diberikan adalah di bawah skim bukan potongan gaji, anda boleh membuat bayaran ansuran bulanan melalui cara bayaran berikut; /<br>*If deductions failed and / or financing is granted under the non-salary deduction scheme, you may pay the monthly instalments through the following modes of payments;*<br>i. Tunai di kaunter / *Cash over the counter; atau*<br>ii. ATM / CDM BSN / *BSN's ATM / CDM; atau*<br>iii. Perbankan internet myBSN / *myBSN Internet Banking; atau*<br>iv. Arahan Tetap / *Standing Instructions; atau*<br>v. Lain-lain cara yang dibenarkan BSN / *Any other methods acceptable to BSN* |
| **Soalan 8:**<br>*Question 8:* | **Perlukah saya mengambil perlindungan HPRTT?**<br>*Do I need to subscribe HPRTT coverage?* |
| **Jawapan**<br>*Answer :* | **<u>HPRTT adalah suatu pilihan.</u>**<br>**Pelanggan digalakkan untuk mengambil perlindungan HPRTT bagi menyelesaikan baki pembiayaan jika berlaku kematian atau kecacatan kekal menyeluruh. Jumlah premium/sumbangan boleh dimasukkan di dalam amaun pembiayaan, jika layak.**<br>*<u>HRPTT is optional.</u>*<br>*Customer is encouraged to take up HPRTT coverage to settle the financing balance in the event of death or total permanent disability (TPD). Premium/subscription amount may be included in the financing amount, if eligible.* |
| **Soalan 9:**<br>*Question 9:* | **Apakah jenis kenderaan yang boleh dibiayai di bawah BSN MyAuto-i MPO?**<br>*What type of vehicles acceptable to be financed under BSN MyAuto-i MPO?* |
| **Jawapan :**<br>*Answer :* | **Terbuka kepada semua kenderaan baharu nasional, kenderaan terpilih bukan nasional, *EV/HEV* dan kenderaan import belum didaftar (*unregistered reconditioned vehicle*) dan kenderaan terpakai terpilih sahaja**<br>*Applicable to all brand new national, selected non-national, EV/HEV and unregistered reconditioned and selected used vehicles only.* |
| **Soalan 10:**<br>**Question 10:** | **Berapa lamakah masa untuk memproses permohonan BSN MyAuto-i MPO? /**<br>*What is the duration process for **BSN MyAuto-i MPO** application?* |
| **Jawapan** :<br>*Answer :* | **Permohonan akan diproses dalam masa tiga (3) hari bekerja, bermula dari penerimaan dokumen permohonan yang lengkap daripada pengedar kenderaan. /**<br>*Application shall be processed within three (3) working days, starting from the received of complete documents of application from the car dealer.* |
| **Soalan 11:**<br>*Question 11:* | **Apakah bayaran lain yang perlu dibayar?**<br>*What are the other payable charges?* |

**Jawapan :**
*Answer :*

<table>
<tr><td>a)</td><td>Hire Purchase Reducing Term Takaful - HPRTT (optional)</td><td>Berdasarkan umur / tempoh pembiayaan / jumlah pembiayaan<br>/ Based on age / financing tenure / financing amount</td></tr>
<tr><td>b)</td><td>Fi Pengeluaran /<br>Disbursement Fee</td><td>Tidak terpakai /<br>Not applicable</td></tr>
<tr><td>c)</td><td>Yuran Pemprosesan /<br>Processing Fees</td><td>Tiada /<br>Nil</td></tr>
<tr><td>d)</td><td>Duti Setem Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak 1989) / Stamp Duty As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989).</td><td>
<table>
<tr><td>1</td><td>Surat Tawaran Pembiayaan /<br>Letter Of Offer</td><td>RM10</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Perjanjian Pembiayaan /<br>Facility Agreement</td><td>Seperti yang termaktub dalam Akta Setem 1949 (Pindaan 1989) /<br>As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989)</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Surat Jaminan & Gantirugi (jika ada) /<br>Letter of Guarantee and Indemnity (If Any)</td><td>RM10</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Surat Wakil Kuasa /<br>Power of Attorney (PA)</td><td>RM10</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>e)</td><td>Pendaftaran dan Pengesahan PA di Mahkamah Tinggi /<br>Registration and Attestation on PA at High Court</td><td>RM100</td></tr>
<tr><td>f)</td><td>Yuran Pengendalian /<br>Handling Fee</td><td>Ditanggung oleh Bank /<br>Shall be borne by the Bank</td></tr>
</table>

**Soalan 12:** *Question 12:*

**Apakah akan terjadi sekiranya Pelanggan gagal membuat obligasi pembayaran pembiayaan?**
*What happens if the Customer failed to fulfill the financing payment obligation?*

**Jawapan** : *Answer :*

1. **BSN akan mengenakan Caj Bayaran Lewat berdasarkan kepada Ta'widh (Ganti Rugi), dikira seperti berikut** /
   *BSN will impose Late Payment Charges based on Ta'widh (compensation), calculated as below;*

| | |
|---|---|
| **Dalam tempoh pembiayaan /** ***Within the Facility Period*** | **Caj Lewat Bayar sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun ansuran bulanan yang tertunggak sekiranya anda gagal membayar mana-mana bayaran ansuran bulanan dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh bermulanya pembiayaan dikeluarkan sehingga tarikh matang pembiayaan**. / *Late Payment Charges (LPC) of 1% per annum will be imposed on the overdue monthly instalment payment in the event you fail to pay any monthly instalment within the stipulated period from the first disbursement of the financing until its maturity date.* |
| **Setelah tamat tempoh pembiayaan /** ***After the Facility Period :*** | **Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) akan dikenakan atas kegagalan membayar keseluruhan jumlah baki tertunggak selepas tempoh matang atau selepas penghakiman diperolehi, yang mana terdahulu**. / *Prevailing daily overnight Islamic Interbank Money Market (IIMM) rate will be charged for failure to pay the total outstanding balance after maturity or upon judgment obtained, whichever earlier.* |

**Nota** / Note: ***IIMM – Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa**. /
**IIMM - Islamic Interbank Money Market refers to the rate as may be determined by Bank Negara Malaysia (BNM) from time to time.*

2. ***BSN boleh menolak selesai (set-off) baki belum jelas dalam akaun pembiayaan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda bersama kami, tertakluk kepada notis diberikan kepada anda dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar sebelum penolakan (set-off).*** /
   *BSN has the right to set-off any credit balance in your account(s) maintained with us to settle any outstanding balance in the financing account by giving seven (7) calendar day prior notice to you before such set off.*

3. ***Bank berhak untuk menarik balik serta menjual kenderaan yang dibiayai dan mengambil tindakan undang-undang ke atas Pelanggan /***
   *The Bank has the right to repossess and dispose the vehicle and take legal action against the Customer*

| | |
|---|---|
| **Soalan 13:**<br>***Question 13:*** | **Adakah Pelanggan layak untuk mendapat rebat ke atas caj bertempoh untuk tempoh pembiayaan yang tidak digunakan?**<br>*Does the Customer entitled to a rebate which is the refund of the term charges for the unused tenure?* |
| **Jawapan** :<br>*Answer :* | **Ya. Ibra` atau rebat atas keuntungan tertangguh akan diberikan kepada Pelanggan tertakluk kepada prinsip Syariah: /**<br>*Yes. Ibra` or Rebate on unearned profit shall be refunded to the Customer subject to Shariah principle:* |
| | **Formula umum rebat atau Ibra`/** *General ibra` or rebate formula*<br>**Baki Tertunggak (Harga Jualan Tertunggak)** / *Outstanding Balance (Outstanding Selling/Sale Price)* **-** **Jumlah Prinsipal Tertunggak** / *Outstanding Principal Amount* **-** **Jumlah Terhutang Kepada Bank[1]** / *Amount Due to the Bank[1]* **-** **Pengurangan Ibra'[2]** / *Reduction of Ibra`[2]*<br><br>**Yang mana**: / *Whereby:*<br>**[1]Amaun terhutang kepada Bank merujuk kepada apa-apa amaun keuntungan yang tertunggak apabila penyelesaian awal seperti keuntungan bulan semasa dan / atau tunggakan keuntungan (jika ada).** /<br>*[1]Amount due to the Bank refers to any profit amount due by the Customer upon early settlement such as current month profit and/or profit in arrears (if any).*<br><br>**[2]Pengurangan Ibra` merujuk kepada kos yang perlu ditanggung oleh Pelanggan disebabkan oleh penyelesaian awal sebelum kematangan (jika terpakai)** /<br>*[2]Reduction of Ibra` refers to the cost that Customer needs to bear due to early settlement prior maturity (if applicable).* |
| **Soalan 14:**<br>*Question 14:* | **Adakah penjamin diperlukan untuk memohon pembiayaan BSN MyAuto-i MPO?**<br>*Does BSN MyAuto-i MPO application requires guarantor?* |
| **Jawapan** :<br>*Answer :* | **Hanya sekiranya diperlukan sahaja.**<br>*Case to case basis and if necessary, only.* |
| **Soalan 15:**<br>*Question 15:* | **Bagaimanakah cara-cara untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan kemudahan ini?**<br>*How to obtain further information about this facility?* |
| **Jawapan** :<br>*Answer :* | **Maklumat lanjut boleh didapati melalui saluran berikut:**<br>*More information is available through the following channels:*<br>i. **Layari laman web BSN www.bsn.com.my; atau** /<br>*Visit BSN website at www.bsn.com.my; or*<br>ii. **Kunjungi Cawangan BSN yang berdekatan /**<br>*Visit the nearest BSN Branch* |

**Tertakluk pada terma dan syarat**
*Subject to terms and conditions*